

Nik Aziz sokong PM mengenai isu Palestin

23 OCT 2001

JELI Isnin – Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menyokong pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta Amerika Syarikat menyelesaikan segera isu Palestin bagi mengurangkan kemarahan di kalangan dunia Islam.

Beliau berkata, Amerika perlu merenung silap sendiri dan kejahatan yang dilakukan terhadap negara lain, sebelum bertindak melulu kerana ia hanya akan mengeruhkan keadaan.

“Dalam hal ini, oendaqat Dr Mahathir memang betul dan saya setuju... masyarakat dunia takkan marah Amerika tanpa sebab. Selama ini, Amerika banyak membawa masalah kepada orang Arab, terutama di bumi Palestin yang dibahagi dua dan semua ini menyebabkan kemarahan orang terhadap Amerika meledak.

“Amerika kena cari silap sendiri dulu, baru cari Osama,” katanya selepas melancarkan Bulan Membaca Peringkat Negeri di Perpustakaan Awam cawangan Jeli di sini, hari ini.